



Maklum balas boleh dikemukakan kepada
**Kementerian Perdagangan Dalam Negeri,
Koperasi dan Kepenggunaan**

melalui
Talian bebas tol
1-800-886-800

Hadir ke mana-mana pejabat
**Kementerian Perdagangan Dalam Negeri,
Koperasi dan Kepenggunaan Negeri**
atau
Cawangan

Talian **03-8000 8000**
1 Malaysia One Call Centre (1MOCC)
E-mel kepada : eaduan@kpdnkk.gov.my

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN
NO. 13, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, 62623 PUTRAJAYA
HOTLINE: 1-800-886-800 T: 603-8882 5500 F: 603-8882 5726
<http://www.kpdnkk.gov.my>

WJD005141-PNMB, K.L.



GARIS PANDUAN

MEKANISME MARGIN KEUNTUNGAN BERSIH DAN PENANDAAN HARGA

DALAM PELAKSANAAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN KEPADA PENIAGA



GARIS PANDUAN MEKANISME MARGIN KEUNTUNGAN BERSIH DAN PENANDAAN HARGA DALAM PELAKSANAAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN KEPADA PENIAGA

1. PENGENALAN


Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah dipertanggungjawabkan bagi menangani aktiviti mengambil keuntungan tinggi yang tidak munasabah semasa pelaksanaan GST menerusi tindakan penguatkuasaan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (AKHAP 2011) dan Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah) (Margin Keuntungan Bersih) 2014.

2. TUJUAN

Garis panduan ini dikeluarkan adalah seperti berikut:

- Memberikan penjelasan dan kefahaman kepada peniaga mengenai peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan pencatutan;
- Meningkatkan jumlah pematuhan peniaga kepada mekanisme margin keuntungan bersih dalam menentukan harga barangan dan caj bagi perkhidmatan;
- Mencegah aktiviti mencatut dalam kalangan peniaga; dan
- Mewujudkan peniaga yang telus, beretika dan berintegriti.

Rajah 1:
Prinsip Asas Tempoh Masa Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah



3. PANDUAN MEKANISME MARGIN KEUNTUNGAN BERSIH HARGA BARANGAN DAN CAJ BAGI PERKHIDMATAN

Peraturan mekanisme Margin Keuntungan Bersih (MKB) terpakai bagi tempoh **1 Januari 2015 hingga 30 Jun 2016 (18 bulan)**.

Peniaga yang membekalkan atau menawarkan apa-apa barangan atau perkhidmatan adalah diwajibkan mematuhi perkara berikut:

- MKB adalah dalam nilai **Ringgit Malaysia (RM)** bagi barangan atau perkhidmatan yang sama perihalan;
- **Dilarang** menaikkan MKB bagi barangan atau perkhidmatan mengikut satu tempoh yang ditetapkan iaitu bermula **2 Januari 2015 hingga 30 Jun 2016** dengan menjadikan **1 Januari 2015** sebagai asas MKB;
- **Dilarang** memasukkan apa-apa elemen cukai dan Pembayaran Balik Khas Cukai Jualan yang boleh dituntut sebagai sebahagian daripada harga barangan dan caj bagi perkhidmatan;

PENENTUAN MKB ASAS PADA 1 JANUARI 2015

Formula untuk menentukan MKB asas barangan atau perkhidmatan pada 1 Januari 2015

$$X_0 = SP_0 - (COG_0 + OC_0)$$

PENENTUAN MKB DARI 2 JANUARI HINGGA 31 MAC 2015

Formula untuk menentukan tiada kenaikan dalam MKB bagi barangan atau perkhidmatan dalam tempoh dari 2 Januari 2015 hingga 31 Mac 2015

X_1 tidak boleh melebihi X_0 ($X_1 \leq X_0$)

$$X_0 = SP_0 - (COG_0 + OC_0)$$

$$X_1 = SP_1 - (COG_1 + OC_1)$$

PENENTUAN MKB DARI 1 APRIL 2015 HINGGA 30 JUN 2016 (ORANG KENA CUKAI)

Formula untuk menentukan tiada kenaikan dalam MKB bagi barangan atau perkhidmatan berhubung dengan mana-mana **orang kena cukai** dalam tempoh dari 1 April 2015 hingga 30 Jun 2016

X_2 tidak boleh melebihi X_0 ($X_2 \leq X_0$)

$$X_0 = SP_0 - [(COG_0 + OC_0) - (STR_0 + IT_0)] - OT_0$$

$$X_2 = SP_2 - [(COG_2 + OC_2) - (STR_2 + IT_2)] - OT_2$$

PENENTUAN MKB DARI 1 APRIL 2015 HINGGA 30 JUN 2016 (SELAIN ORANG KENA CUKAI)

Formula untuk menentukan tiada kenaikan dalam MKB bagi barangan atau perkhidmatan berhubung dengan mana-mana orang **selain orang kena cukai** dalam tempoh dari 1 April 2015 hingga 30 Jun 2016 hendaklah seperti yang berikut:

X_3 tidak boleh melebihi X_0 ($X_3 \leq X_0$)

$$X_0 = SP_0 - (COG_0 + OC_0)$$

$$X_3 = SP_3 - (COG_3 + OC_3)$$

Ringkasan Formula Mekanisme MKB

Bil.	Perkara	Butiran
1	SP	Harga Jualan
2	COG	Kos Barangan
3	OC	Kos Operasi
4	STR	Pembayaran Balik Khas Cukai Jualan
5	IT	Cukai Input
6	OT	Cukai Output
7	X	Margin Keuntungan Bersih

PENENTUAN MKB BAGI SITUASI HARGA JUALAN ASAS (SP_0) BUKAN PADA 1 JANUARI 2015

Dalam situasi tertentu, harga asas jualan barangan dan caj bagi perkhidmatan (SP_0) tidak boleh diambil pada tarikh 1 Januari 2015 atas faktor-faktor berikut:

Rajah 2 :

Situasi Harga Jualan (SP_0) Bukan Pada 1 Januari 2015



4. PENYIMPANAN DAN PENYELENGGARAAN DOKUMEN

Semua peniaga adalah diwajibkan:

Menyimpan, menyelenggara dan mengemas kini dokumen dengan teratur dan tersedia dengan baik dalam tempoh 7 tahun

Contoh dokumen:

- Penyata kos bagi tempoh asas dan perbandingan;
- Penyata margin keuntungan bersih bagi tempoh asas dan perbandingan;
- Penyata stok / inventori
- Rekod/ dokumen jualan
- Rekod/ dokumen belian perolehan
- Rekod/ dokumen pengilangan
- Rekod saraan, elaun, gaji
- Pencukaian
- Jurnal, lejar,
- Lain-lain dokumen yang berkaitan

5. HAK DAN TANGGUNGJAWAB PENIAGA KETIKA PEMERIKSAAN PEMATUHAN


- Menghubungi mana-mana pejabat KPDNKK mengesahkan lawatan pemeriksaan yang dijalankan di premis
- Melihat kad kuasa pegawai pemeriksa pematuhan untuk mengesahkan kesahihan identiti pegawai
- Pihak peniaga hendaklah memberi kerjasama semasa kerja-kerja pematuhan dijalankan
- Memelihara rekod/dokumen serta mengemukakan kepada pegawai pemeriksa apabila diminta.

6. PANDUAN PENANDAAN HARGA OLEH PENIAGA

Kewajipan penandaan harga oleh penjual runcit adalah seperti berikut:

- Meletakkan tanda harga pada setiap barang atau contoh barangan dan caj bagi perkhidmatan yang dikenakan;
- Menandakan harga tunai setiap barang bagi setiap unit, satu unit timbangan bagi setiap sukatan barangan dan caj-caj bagi semua perkhidmatan yang disediakan kepada pengguna secara berasingan;
- Saiz dan warna harga yang jelas dan mudah dilihat/diakses oleh pengguna;
- Ditandakan dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Malaysia dengan terjemahan;
- Harga adalah dalam nilai Ringgit Malaysia (RM);
- Bagi peniaga berdaftar tanda harga yang dipamerkan merupakan harga termasuk cukai bagi barangan atau caj bagi perkhidmatan;

Rajah 3:
Contoh Penandaan Harga Bagi Barangan Yang Tertakluk Pada GST



KESALAHAN DAN PENALTI

Kesalahan-kesalahan di bawah AKHAP 2011 bagi setiap kesalahan sekiranya disabit:

BIL.	SEKSYEN	KESALAHAN
1	Seksyen 10A (1)	Mana-mana orang yang membekal apa-apa barang atau perkhidmatan tidak boleh memasukkan butiran yang dinyatakan dalam jadual sebagai sebahagian daripada harga barang atau caj bagi perkhidmatan
2	Seksyen 14 (1)	Mencatat dalam menjual atau membekalkan barangan dan perkhidmatan.
3	Seksyen 21(5)	Enggan atau tidak memberi maklumat
4	Seksyen 23	Tidak membenarkan penolong pengawal untuk mengakses rekod.
5	Seksyen 24(1)	Tidak boleh menzahirkan atau menggunakan apa-apa maklumat rahsia dengan suatu perusahaan tertentu yang diperolehi menurut kuasa mana-mana peruntukan akta ini.
6	Seksyen 26	Memberi maklumat, keterangan atau dokumen yang palsu atau mengelirukan.
7	Seksyen 27	Memusnah, menyembunyi, mencatat atau mengubah apa-apa buku, rekod akaun, dokumen atau data komputer yang disimpan dengan niat untuk memfraud Penolong Pengawal.
8	Seksyen 32(1)	Menzahirkan kepada mana-mana orang lain maklumat atau apa-apa perkara lain yang akan menjejaskan penyiasatan.
9	Seksyen 39	Menghalang mana-mana Penolong Pengawal dalam melaksanakan kewajipan yang dikenakan atau kuasa yang diberikan di bawah akta ini.
10	Seksyen 53A	Tidak menyimpan dan menyelenggarakan rekod yang wajar berhubung dengan kendalian perniagaan.

Penalti Khusus (Seksyen 10A (2) dan Seksyen 14 (1) AKHAP 2011):

PERKARA	PENALTI KESALAHAN	
	KESALAHAN PERTAMA	KESALAHAN KEDUA/ BERIKUTNYA
INDIVIDU	Denda tidak melebihi RM100,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya	Denda tidak melebihi RM250,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya
PERTUBUHAN PERBADANAN	Denda tidak melebihi RM500,000.00	Denda tidak melebihi RM1,000,000.00

Penalti Am (bagi kesalahan lain di bawah AKHAP 2011):

PERKARA	PENALTI KESALAHAN	
	KESALAHAN PERTAMA	KESALAHAN KEDUA/ BERIKUTNYA
INDIVIDU	Denda tidak melebihi RM50,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya	Denda tidak melebihi RM100,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya.
PERTUBUHAN PERBADANAN	Denda tidak melebihi RM100,000.00	Denda tidak melebihi RM250,000.00